

# Malaysia sedia pikul tugas besar dalam UNESCO

**P**ARIS: Malaysia bersedia memainkan peranan lebih besar dalam Pertubuhan Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) yang mempunyai 92 anggota, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Katanya, beliau membayangkan perkara itu kepada Ketua Pengarah UNESCO, Koichiro Matsuura ketika pertemuannya dengan beliau di ibu pejabat agensi berkenaan di sini, kelmarin.

Ketika berucap kepada masyarakat Malaysia pada jamuan makan malam, Hishammuddin berkata, pengiktirafan UNESCO terhadap kejayaan Malaysia dalam pelajaran menjadikan beliau bekerja keras un-

tuk menangani isu berkenaan.

Sejak menjadi Menteri Pelajaran dua tahun lalu, Hishammuddin berkata, beliau tiada apa-apa melainkan masalah setiap hari, daripada masalah kebocoran bumbung, makmal komputer sehingga kepada isu buli.

"Tetapi datang ke Paris dan dengar Ketua Pengarah UNESCO yang mengatakan apa yang kita lakukan adalah baik, memberikan saya satu semangat baru dan mendorong untuk menjadikan sistem kita lebih baik," kata Hishammuddin.

Matsuura pada pameran menyambut 50 tahun pendidikan Malaysia yang diadakan di ibu pejabat UNESCO di sini, berkata kejayaan Malaysia menjadi contoh baik untuk negara lain.

Malaysia menawarkan diri untuk satu kerusi lembaga eksekutif UNESCO pada persidangan agungnya ke-34 di sini, Oktober ini.

Lembaga itu mengandungi 58 anggota bagi tempoh empat tahun, akan mengkaji kerja program pertubuhan dan anggaran bajet pada tahun semasa.

Ditubuhkan pada 1945, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu bertujuan memberikan sumbangan kepada keamanan dan keselamatan dalam meningkatkan kerjasama antarabangsa melalui pelajaran, sains dan kebudayaan.

Walaupun dipuji UNESCO, Hishammuddin berkata, Malaysia akan bersungguh-sungguh memperbaiki program pendidikannya.

"Baru-baru ini kita melancarkan rancangan lima tahun kita dari 2006 hingga 2010 yang dikenali sebagai Pelan Induk Pelajaran Kebangsaan, iaitu perjuangan berterusan (untuk mantapkan sistem pendidikan).

"Tidak pernah berpuas hati dengan apa yang kita capai," kata Hishammuddin.

Beliau yang kini dalam lawatan empat hari ke Perancis, turut dijadualkan melawat sekolah rendah awam, sebuah institusi antarabangsa untuk perancangan pelajaran dan menemui perwakilan tetap negara anggota UNESCO.

Beliau berlepas ke Geneva malam ini untuk lawatan sehari ke Switzerland sebelum pulang ke tanah air. - Bernama

BH 4/14/2007